

A-Assign Corporation rasmi pejabat operasi baharu di Ipoh, perkukuh ekonomi digital Perak

 TheMalaysiaPress Ekonomi, Negeri January 10, 2026  0 Comments



Oleh: IZZAT EMIR

IPOH – Negeri Perak terus melangkah ke hadapan dalam memperkukuh ekonomi digital apabila A-Assign Corporation secara rasmi membuka pejabat operasi baharu mereka di Ipoh, dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad sekali gus menandakan satu lagi fasa penting dalam pembangunan sektor teknologi dan perkhidmatan bernilai tinggi di negeri ini.

Pemilihan Perak sebagai lokasi operasi syarikat berkenaan disifatkan sebagai satu tanda keyakinan terhadap potensi negeri ini sebagai destinasi perniagaan yang kompetitif, khususnya dalam sektor Global Business Services (GBS).

Sektor GBS kini muncul sebagai realiti ekonomi baharu yang merangkumi pelbagai bidang strategik seperti pengurusan data, analitik, teknologi awan (cloud), kecerdasan buatan (AI) serta automasi pintar. Pembangunan sektor ini dijangka menjadi pemangkin kepada transformasi digital negeri Perak.

Lebih membanggakan, pembangunan GBS di Perak turut membuka peluang kepada anak-anak negeri untuk membina kerjaya berkemahiran tinggi tanpa perlu berhijrah ke luar, sekali gus menyumbang kepada pengekalan bakat tempatan.



Kehadiran A-Assign Corporation di Perak juga dilihat sebagai satu kerjasama strategik yang membawa bersama pengalaman, kepakaran dan amalan operasi bertaraf antarabangsa. Dengan hampir dua dekad penglibatan dalam ekosistem GBS, syarikat ini berpotensi besar untuk menyumbang kepada pemindahan ilmu, pembangunan bakat tempatan serta peningkatan keupayaan digital negeri.

Diharapkan penubuhan pejabat operasi ini menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi digital Perak serta memberikan manfaat berpanjangan kepada rakyat.